

Pembelajaran Berasaskan Pengalaman dalam Menangani Cabaran Keibubapaan Anak Istimewa: Satu Kajian Kualitatif di Pulau Pinang, Malaysia

Siti Norlela Mohd Nor¹, Azlinda Azman^{1*}, Paramjit Singh Jamir Singh^{1*}

¹Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang

*Corresponding author: Azlinda Azman (azlindaa@usm.my) & Paramjit Singh Jamir Singh (paramjit@usm.my)

ABSTRACT

Artikel ini meneroka bagaimana ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran memperoleh kemahiran penjagaan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman. Kajian ini menggunakan teori pembelajaran berasaskan pengalaman, iaitu mengkaji bagaimana ibu bapa meningkatkan kecekapan melalui pembelajaran melalui pengalaman, refleksi, interaksi bersama profesional dan kumpulan rakan sebaya. Pendekatan kualitatif digunakan serta data di kumpul secara temu bual mendalam bersama 28 ibu dan bapa di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di sekitar Pulau Pinang, Malaysia. Kajian ini mengetengahkan ibu bapa belajar berdasarkan pendekatan "belajar secara spontan" serta beradaptasi dengan perubahan seterusnya mengatasi cabaran emosi, perubatan dan pendidikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan pengalaman merupakan proses berulang yang berterusan yang meningkatkan kebolehsuaian, penyelesaian masalah dan kemahiran advokasi ibu bapa. Dapatan kajian ini memberikan pandangan tentang bagaimana ahli profesional boleh memudahkan pembelajaran penjagaan anak berasaskan pengalaman dengan menyediakan maklum balas, sumber dan peluang masa nyata untuk pembelajaran reflektif.

Keywords: Teori pembelajaran pengalaman, keibubapaan, kurang upaya pembelajaran, penjagaan, maklum balas

1. Pengenalan

Di Malaysia, kajian mengenai pembelajaran ibu bapa berasaskan pengalaman masih terhad dan kurang diberi perhatian oleh penyelidik tempatan. Umumnya mengetahui ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran menghadapi cabaran yang unik di mana mereka memerlukan pengetahuan, kemahiran menguruskan emosi, perubatan dan pendidikan dengan cepat untuk menjaga anak mereka dengan lebih berkesan. Ini kerana mod pembelajaran serta kemudahan sedia ada lebih berpusatkan pendidikan berstruktur dan formal yang memberikan sokongan yang terhad kepada ibu bapa yang mempelajari kaedah asuhan melalui pengalaman secara langsung. Malah Alsamiri et al. (2024) menyatakan bahawa ibu bapa perlu melakukan pelarasan gaya keibubapaan mereka untuk menampung ekspresi emosi yang berbeza diantara anak kurang upaya dan normal. Ibu bapa juga melalui proses pembelajaran kitaran dengan mempelajari teknik keibubapaan secara aktif melalui pengalaman mereka. Yang et al. (2021) menyatakan kitaran bermula dengan

pengalaman konkrit yang merupakan asas untuk pemahaman mendalam dan seterusnya kepada refleksi diri. Fasa reflektif ini penting untuk memahami implikasi yang lebih luas meluas melalui penerokaan lanskap pembelajaran menerusi pengalaman (Azeez & Aboobaker, 2024). Perkaitan ini dapat di tinjau menerusi kajian Gage (2013) iaitu ibu bapa belajar melalui pemerhatian dan interaksi diantara ahli keluarga lain yang membentuk persepsi mereka serta meningkatkan amalan keibubapaan mereka.

Teori pembelajaran pengalaman yang di bangunkan oleh David Kolb menekankan pembelajaran sebagai proses kitaran yang melibatkan pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptualisasi dan eksperimen aktif. Teori ini menjadi panduan untuk memahami ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran belajar melalui pengalaman penjagaan harian mereka, menyesuaikan strategi dan mempertingkatkan kemahiran mereka dari semasa ke semasa. Perkara ini dapat dikaitkan melalui dapatan Ali dan Ismail (2020) di mana ibu bapa yang memiliki anak kurang upaya sering menghadapi pelbagai cabaran yang berkaitan dengan keadaan fizikal dan mental mereka sendiri. Memahami perspektif dan keperluan sebenar ibu bapa penting kerana ia akan memberikan harapan positif kepada mereka (Ying & Mohamed, 2023).

Kajian ini dijalankan di Pulau Pinang di mana campuran ciri-ciri sosiobudaya kaum yang pelbagai memberikan perspektif yang berbeza. Hal ini juga telah memberikan gambaran terhadap cabaran kompleks yang di hadapi oleh ibu bapa semasa menavigasi landskap penjagaan kesihatan, sokongan pendidikan, serta penerimaan sosial terhadap kurang upaya pembelajaran. Selaras dengan Yardley et al. (2012) setiap individu belajar melalui pengalaman yang sedang dilalui, teori pembelajaran pengalaman merupakan pengetahuan konstruktif dan makna daripada pengalaman kehidupan realiti. Perselisihan pendapat, konflik dan perbezaan memandu kepada proses pembelajaran di mana individu mempelajarinya bertindak balas terhadap tindakan, refleksi, perasaan dan pemikiran (Bergsteiner et al., 2010). Matlamat kajian ini adalah untuk meneroka peranan pembelajaran berasaskan pengalaman dalam penjagaan anak kurang upaya pembelajaran yang memberi tumpuan kepada proses di mana ibu bapa memperoleh dan meningkatkan kemahiran mereka. Kajian ini juga mengkaji peranan maklum balas daripada profesional dan kumpulan rakan sebaya dalam memudahkan proses pembelajaran ini yang menawarkan cadangan untuk meningkatkan sistem sokongan untuk ibu bapa.

1.1. Pernyataan Masalah

Walaupun terdapat banyak sorotan karya mengenai ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran, terdapat jurang yang ketara di dalam penyelidikan yang memberi tumpuan khusus bagaimana ibu bapa di Pulau Pinang, khususnya menyesuaikan diri dan belajar melalui pengalaman mereka. Antara penyelidikan sedia ada cenderung memberi tumpuan kepada kaedah kuantitatif (Anpalagan et al., 2021; Ubeh et al., 2013), penilaian tahap tekanan (Basri et al., 2019; Lee et al., 2017; Adib et al., 2019), mekanisme daya tahan (Yaacob, 2022) dan kesan terhadap kehidupan keluarga (Sitimin et al., 2017; Chu et al., 2020), yang sering mengabaikan kaedah keibubapaan di mana pengetahuan dan kemahiran dibangunkan melalui pengalaman harian. Selain itu, kajian ini memberi tumpuan kepada jurang kajian setempat yang boleh memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang proses pembelajaran berasaskan pengalaman di kalangan ibu bapa dalam persekitaran geografi dan budaya khusus di Malaysia.

2. Sorotan Karya

Teori pembelajaran pengalaman digunakan secara meluas dalam pelbagai penentuan pendidikan dan profesional, tetapi aplikasinya dalam konteks penjagaan anak kurang upaya pembelajaran

masih kurang dikaji. Ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran juga bergantung pada amalan penjagaan tersedia untuk membangunkan kemahiran yang diperlukan untuk menjaga anak mereka. Proses pembelajaran berulang melibatkan percubaan dan kesilapan, refleksi serta pelarasan yang berdasarkan maklum balas. Kumpulan sokongan rakan sebaya dan bimbingan profesional memainkan peranan penting dalam membantu ibu bapa menavigasi penyesuaian pembelajaran ini, memberikan maklum balas segera dan sokongan emosi.

Kajian oleh Abed dan Shackelfold (2023) menyatakan bahawa tekanan ibu bapa meningkat disebabkan oleh tuntutan untuk menyokong anak kurang upaya pembelajaran yang boleh menghalang keupayaan mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti pendidikan anak mereka. Auriemma et al. (2021) juga mendapati efikasi sendiri serta kepuasan yang rendah di kalangan ibu bapa boleh merumitkan peranan keibubapaan mereka. Memupuk persediaan ibu bapa untuk menjaga anak kurang upaya pembelajaran bukan sahaja perlu menangani segera keperluan emosi dan psikologi ibu bapa tetapi juga meningkatkan kemahiran penjagaan praktikal dan memperkasakan persekitaran sosial mereka. Justeru itu, aplikasi intervensi kumpulan telah terbukti memberikan manfaat yang signifikan kepada ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran berkongsi pengalaman dan belajar diantara satu sama lain di mana hasil positif yang diperolehi daripada kumpulan terapeutik (Thompson-Janes e tal., 2014). Ia sejajar dengan prinsip teori pembelajaran pengalaman bahawa pembelajaran dipertingkatkan melalui interaksi sosial dan pengalaman yang dikongsi. Sokongan bersifat sensitif budaya juga perlu dipertimbangkan dalam membangunkan program sokongan untuk ibu bapa (Olabisi et al., 2022). Ini menunjukkan bahawa peluang kepada pembelajaran berasaskan pengalaman seperti program latihan, sokongan boleh memberi manfaat dalam membantu ibu bapa membangunkan strategi mengatasi dan meningkatkan keberkesanan diri mereka.

Keperluan emosi anak kurang upaya pembelajaran juga memerlukan ibu bapa menyesuaikan kaedah keibubapaan mereka. Muddle et al. (2021) turut membincangkan bagaimana anak kurang upaya pembelajaran mempunyai keperluan emosi berbeza yang memerlukan pendekatan yang disesuaikan dengan keibubapaan. Ibu bapa perlu membuat pelarasan berdasarkan pembelajaran dari pengalaman berdasarkan tindak balas anak mereka. Martin et al. (2022) dalam dapatan beliau bahawa interaksi antara ibu bapa dan anak kurang upaya pembelajaran telah meningkat menunjukkan bahawa latihan bersasar boleh membawa perubahan positif dalam dinamik keibubapaan. Kajian oleh Bloofield et al. (2010) berpendapat bahawa membina rangkaian sosial dan menyediakan rangkaian sosial dan pendidikan ibu bapa boleh meningkatkan kualiti hidup keluarga anak kurang upaya pembelajaran. Ia konsisten dengan teori pembelajaran pengalaman yang menekankan kepentingan refleksi dan interaksi sosial dalam proses pembelajaran.

Ibu bapa yang melibatkan diri dalam komuniti boleh berkongsi pengalaman, strategi pembelajaran adaptif dapat membangunkan strategi yang berkesan untuk menguruskan cabaran yang mereka hadapi. Tumpuan teori ini sejajar dengan realiti praktikal yang di hadapi oleh ibu bapa serta sentiasa memerlukan menyesuaikan teknik penjagaan sebagai tindak balas kepada perubahan cabaran tingkah laku, kefungsiian eksekutif dan perubatan, Ia boleh meningkatkan mekanisme daya tindak dan akhirnya memberi hasil yang bermanfaat kepada kedua ibu bapa dan anak kurang upaya pembelajaran. Kajian ini melihat bagaimana teori pembelajaran pengalaman di gunakan secara khusus untuk pengalaman penjagaan ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran di Pulau Pinang, Malaysia.

3. Metod

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes untuk menyelidik bagaimana ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran belajar melalui pengalaman. Kajian ini juga menggunakan temu bual mendalam bersama 28 orang ibu dan bapa anak kurang upaya pembelajaran bertempat di Pusat Pemulihan dalam Komuniti di sekitar Pulau Pinang. Matlamatnya adalah untuk meneroka bagaimana pengalaman penjagaan serta kehidupan sebenar membentuk proses pengetahuan ibu bapa dan bagaimana maklum balas persekitaran dalam menyokong pembelajaran ini.

3.2. Peserta Kajian

Kajian ini disertai oleh 28 ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran termasuklah anak yang di diagnosis dengan kurang upaya pembelajaran antaranya autisme, gangguan kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD), kelewatan perkembangan global (GDD) dan sindrom down.

3.3. Pengumpulan Data

Temu bual mendalam dan separa berstruktur telah dijalankan bersama ibu bapa untuk meneroka pengalaman pembelajaran ibu bapa dengan memberi tumpuan kepada kaedah mereka membangunkan kemahiran penjagaan dan penyesuaian pendekatan keibubapaan dari semasa ke semasa. Soalan merangkumi cabaran penjagaan awal, maklum balas daripada profesional, interaksi dengan kumpulan rakan sebaya dan refleksi tentang pengalaman penjagaan mereka.

3.4. Analisis Data

Data dianalisis menggunakan analisis tematik yang memberi tumpuan kepada corak pembelajaran berasaskan pengalaman yang dilaporkan oleh ibu bapa. Analisis ini adalah berdasarkan teori pembelajaran pengalaman iaitu mengenal pasti kunci utama pengalaman konkrit, refleksi, pembelajaran konseptual dan eksperimen aktif.

4. Hasil Kajian

4.1. Belajar Melalui Pengalaman

Ibu bapa secara konsisten menyatakan bahawa cara pembelajaran mereka adalah melalui strategi pengalaman serta penglibatan secara langsung dalam penjagaan anak mereka. Antara pendekatan refleksi digunakan untuk membina strategi dan kefahaman untuk bertindak balas dengan cabaran mereka. Misalnya ibu anak kurang upaya jenis autisme, menekankan bahawa persepsi sosial dan keperluan khas anak mereka dengan mencari kaedah efektif untuk menguruskan keperluan serta tingkah laku anak tersebut. Proses percubaan dan kesilapan merupakan teknik yang digunakan walaupun pada awalnya ia sering gagal dan memberikan pembelajaran yang berharga serta secara beransur-ansur memperolehi keyakinan dan kecekapan.

Ibu : “biaq pi kat dia lah... 1 dia kata kat kita 10 dia dapat...Allah bagi.. sudah..cukup... kita kena redha... tak lama lagi nak balik dah.. dia ibarat macam kiambang... dia mai kita tempuh dia mai kita tempuh..dia tak boleh...kita tak tau ke depan kan nak rancang... masa hadapan tu masa sekarang...”

4.2. Kitaran Pembelajaran Berulang

Proses pembelajaran adalah berulang di mana ibu bapa sering mencuba kaedah yang boleh disesuaikan dengan keadaan mereka. Kitaran eksperimen dan refleksi aktif ini dilihat sejajar dengan teori pembelajaran pengalaman. Ibu bapa menerangkan bagaimana ulangan peristiwa penjagaan kepada cabaran penjagaan yang sama membolehkan mereka membangunkan strategi yang sesuai untuk keperluan khusus anak kurang upaya pembelajaran.

Ayah : “Saya sangat-sangat.....garang... depa ni macam fahamkan.. kena paksa.. saya pun berkeras juga... kadang kita nak bawa pi makan... kalau buat perangai macam tu... kita pun geram... kalau saya marah.. dia akan cool down.. kalau dia marah pulak saya pula take over (ayah)... budak ni cerdik...bila depa lasak sangat saya tak larat....letih...tapi nak buat macam mana...kena hadap lah....”

4.3. Peranan Maklum Balas Profesional

Maklum balas daripada profesional antaranya doktor dan penjagaan kesihatan adalah penting dalam membentuk pembelajaran ibu bapa. Ramai ibu bapa bergantung kepada golongan profesional untuk membimbing dalam tugas penjagaan yang kompleks seperti latihan terapi, atau rawatan perubatan. Profesional membantu ibu bapa memperhalusi pendekatan mereka dengan memberi maklumat dan praktikal yang tepat yang kemudian akan digunakan oleh ibu bapa dalam rutin penjagaan mereka.

Ibu: “..masa tu masa tsunami jumpa Dr Zawiyah... dia bagitau macam mana nak terapi... dia cakap...ambil anak letak atas peha macam ni...awak tengok saya buat macam mana... ooo sedih juga oooo...dah macam tak boleh terima..la ni puan buat dalam masa sebulan...dik cuba hang bayang anak hang teriak bagai nak gilaa... hang sebagai mak macam mana...terpaksa la...nak bagi dia elok...kalau ikut letih...letih jaga depa mula-mula...sekarang dah dewasa Alhamdulillah.....”

4.4. Perkongsian Pengetahuan dan Sokongan Komuniti

Kumpulan sokongan memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran berasaskan pengalaman. Ibu bapa juga melaporkan bahawa mereka mempelajari strategi dan mekanisme daya tindak melalui perkongsian maklumat bersama ibu bapa yang mempunyai situasi yang sama. Berkongsi pengalaman membolehkan ibu bapa melakukan refleksi semula amalan penjagaan mereka dan menggunakan kaedah baharu yang dilihat berkesan pada anak kurang upaya pembelajaran yang lain.

Ayah: “Praktikal ibu bapa penting... la.. kita dok belajaq evidence based... tapi bila kita dah bergaul dengan parents yang ada anak istimewa macam adhd la.. autism..saya tengok depa jenis jaga makan... bukan calang-calang background depa.. tapi itulah... sesuatu benda takkan jadi tanpa izin Allah”.

5. Perbincangan

Penemuan ini menyokong aplikasi teori pembelajaran pengalaman dalam memahami bagaimana ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran memperolehi kemahiran penjagaan. Proses pembelajaran adalah bersifat dinamik dan berterusan di mana ibu bapa harus bertindak berdasarkan kitaran tindakan, refleksi dan penyesuaian. Proses ini sejajar dengan teori kolb di

mana pengalaman konkrit membawa kepada pemerhatian reflektif, konseptual abstrak dan eksperimen aktif. Ibu bapa dapat mengembangkan pemahaman mendalam tentang keperluan unik anak mereka dan strategi penjagaan yang berkesan. Dalam praktis amalan kerja sosial, teori ini dilihat relevan di aplikasi terutamanya apabila bekerja dengan ibu bapa yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran. Teori ini dapat meningkatkan intervensi kerja sosial dengan ketara melalui penyediaan kerangka berstruktur namun fleksibel yang mengakui serta memanfaatkan pengalaman hidup ibu bapa. Melalui teori ini, pemahaman yang lebih baik tentang pengalaman ibu bapa yang menjaga anak kurang upaya pembelajaran serta mengiktiraf kitaran pengalaman, reflektif, konseptualisasi, bereksperimen yang dapat menyokong ibu bapa semasa perjalanan perkembangan mereka dalam keibubapaan. Pendekatan ini turut membantu sistem sokongan supaya bersifat empati dan bermaklumat yang mengakui cabaran dan tekanan unik sedang di hadapi oleh ibu bapa. Antaranya teori ini membantu praktis kerja sosial bahawa intervensi harus disesuaikan dengan gaya pembelajaran dan pengalaman ibu bapa. Membangunkan strategi individu misalnya yang sejajar dengan pengalaman ibu bapa dengan cara mereka ingin belajar sama ada secara reflektif, aktif, atau pembelajaran secara konkrit.

Menerusi konteks kerja sosial dan teori pembelajaran pengalaman melihat pengalaman ibu bapa menjaga anak kurang upaya mereka adalah bersifat sistemik dan kompleks yang melibatkan kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap kesejahteraan dan kesihatan mereka (MacLeod et al., 2022; Bloomfield et al., 2010). Di samping itu, meningkatkan kerjasama di antara ahli terapi dan ibu bapa perlu lebih memfokuskan kepentingan pembelajaran dan perkongsian pengalaman serta menyokong ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran (Anderson & Hinojosa, 1984). Antara contoh kajian yang diketengahkan oleh Hashemi (2021) adalah keberkesanan terapi interaktif ibu bapa dan anak terhadap tekanan keibubapaan dan efikasi sendiri ibu anak kurang upaya pembelajaran menekankan potensi intervensi pembelajaran pengalaman yang memberi kesan positif kepada kesejahteraan ibu bapa serta strategi daya tindak mereka.

Selain itu, melalui penglibatan ibu bapa dalam eksperimen aktif, pekerja sosial misalnya boleh memberikan ibu bapa kuasa untuk menggunakan kaedah strategi dan penyelesaian baru bagi cabaran yang sedang di hadapi. Seterusnya, galakkan pemerhatian reflektif membantu ibu bapa mempertimbangkan pengalaman dan membuat keputusan termaklum tentang penjagaan anak. Pekerja sosial misalnya sebagai pemudah cara bagi perbincangan reflektif yang mendorong ibu bapa memproses pengalaman mereka yang seterusnya meningkatkan strategi daya tindak dan amalan keibubapaan. Teori ini juga menyokong persekitaran yang bersifat kolaboratif di mana pekerja sosial dan ibu bapa boleh berkongsi pengalaman dan belajar antara satu sama lain yang membawa kepada penyelesaian masalah dan menghubungkan rangkaian sokongan yang lebih berkesan. Integrasi teori pembelajaran pengalaman dalam kerja sosial dengan ibu bapa menjaga anak kurang upaya pembelajaran memerlukan pendekatan yang bersifat menyeluruh untuk menangani keperluan pelbagai aspek dalam menggalakkan kesejahteraan ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran.

6. Limitasi Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran di Pulau Pinang. Penyelidikan lanjut diperlukan untuk meneroka sama ada penemuan ini boleh berlaku di dalam konteks budaya yang berbeza. Selain itu, kajian berbentuk longtidunal dicadangkan untuk memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang kaedah keibubapaan yang berkembang dari semasa ke semasa dan merentasi pelbagai cabaran penjagaan anak kurang upaya pembelajaran.

7. Rumusan

Kajian ini meneroka bagaimana ibu bapa anak kurang upaya pembelajaran memperoleh kemahiran penjagaan melalui penjagaan berasaskan pengalaman. Dengan menggunakan teori, hasil kajian telah menunjukkan bahawa ibu bapa belajar melalui pengalaman, refleksi dan maklum balas daripada profesional dan kumpulan sokongan. Penemuan ini menyerlahkan kepentingan mewujudkan sistem sokongan yang memupuk pembelajaran berasaskan pengalaman, membantu ibu bapa menyesuaikan diri dengan cabaran penjagaan serta meningkatkan keupayaan anak kurang upaya pembelajaran mereka.

Perkara ini jelas menggambarkan perjalanan membesarkan anak kurang upaya pembelajaran adalah bersifat dinamik yang jelas mempunyai cabaran dan pengalaman pembelajaran yang unik. Pengetahuan yang diperolehi melalui pengalaman secara langsung merupakan aspek kritikal dalam perjalanan keibubapaan ini. Dalam konteks pembelajaran berasaskan pengalaman bukan sahaja tentang pengendalian aktiviti harian, tetapi ia melibatkan penyesuaian, perkembangan amalan penjagaan yang berdasarkan interaksi serta penilaian hasil dari masa ke semasa. Pendekatan ini boleh memberikan pandangan bernilai tentang strategi keibubapaan yang lebih berkesan, yang dibentuk oleh kitaran tindakan serta refleksi yang berterusan.

Kajian ini memberi gambaran kepada amalan kerja sosial di Malaysia yang menekankan keperluan menyediakan intervensi holistik antaranya kaunseling emosi, sumber pendidikan berstruktur, peluang sokongan komuniti, dan latihan advokasi. Pengukuhan bidang ini membantu memperkasakan ibu bapa bukan sahaja menangani tanggungjawab penjagaan malah secara aktif memperjuangkan hak anak kurang upaya pembelajaran dalam masyarakat. Kajian masa hadapan perlu di teruskan untuk meneroka kesediaan ibu bapa merentasi pelbagai konteks, budaya dan sosioekonomi sambil menilai kesan jangka panjang intervensi kerja sosial terhadap ibu bapa dan anak kurang upaya pembelajaran.

References

- Abed, M. and Shackelford, T. (2023). Parent involvement with their children's schools: Perceptions of Saudi parents of elementary school students with learning disabilities. *Learning Disabilities Research and Practice*, 38(2), 144-154. <https://doi.org/10.1111/ldrp.12304>
- Abdullah. H., Ab Wahab. N., Baharudin. D. F., Mohd Ali. M. A. (2021). Unravelling the challenges and coping mechanisms of Malaysian fathers with autistic children. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry (TOJQI)*. Volume 12, Issue 8, July 2021: 4520-4533.
- Adib, N. A. N., Ibrahim, M. I., Rahman, A., Bakar, R. S., Yahaya, N. A., Hussin, S., & Mansor, W. N. A. W. (2019). Perceived stress among caregivers of children with autism spectrum disorder: A state-wide study. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 16(8), 1468. <https://doi.org/10.3390/ijerph16081468>
- Alsamiri, Y. A., Alaghdaif, A. A., Alsawalem, I. M., Allouash, B. A., & Alfaidi, S. D. (2024). Mothers of children with disabilities: Exploring lived experiences, challenges, and divorce risk. *Frontiers in Psychology*, 15. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2024.1399419>
- Anpalagan, S. a., Yusop, Y. M., Zainudin, Z. N., Othman, W. N. W., Kari, D. N. F. M., & Surat, S. (2021). Parental stress among parents of children with learning disabilities. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(12). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i12/11754>

- Auriemma, D., Ding, Y., Chun, Z., Rabinowitz, M., Shen, Y., & Lantier-Galatas, K. (2021). Parenting stress in parents of children with learning disabilities: effects of cognitions and coping styles. *Learning Disabilities Research and Practice*, 37(1), 51-63. <https://doi.org/10.1111/ldrp.12265>
- Azeez, F. and Aboobaker, N. (2024). Exploring new frontiers of experiential learning landscape: A hybrid review. *The Learning Organization*, 31(6), 985-1007. <https://doi.org/10.1108/tlo-02-2023-0022>
- Basri, N. A., & Hashim, N. N. W. N. (2019). Stress in parents of children with Autism: A Malaysian experience. *Intellectual Discourse*, 27(SI# 2), 923-943.
- Bloomfield, L., Kendall, S., & Fortuna, S. (2010). Supporting parents: Development of a tool to measure self-efficacy of parents with learning disabilities. *British Journal of Learning Disabilities*, 38(4), 303-309. <https://doi.org/10.1111/j.1468-3156.2009.00607.x>
- Boud, D., Cohen, R., & Walker, D. (1993). *Using Experience for Learning*. Buckingham: Open University Press.
- Chu, S. Y., Park, H., Lee, J., Shaharuddin, K. K. B., & Gan, C. H. (2020). Self-stigma and its associations with stress and quality of life among Malaysian parents of children with autism. *Child: Care, Health and Development*, 46(4), 485-494. <https://doi.org/10.1111/cch.12771>
- Dewey, J. (1938). *Experience and Education*. New York: Macmillan.
- Gage, E. A. (2013). Social networks of experientially similar others: Formation, activation, and consequences of network ties on the health care experience. *Social Science & Medicine*, 95, 43-51. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2012.09.001>
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential Learning: Experience as the Source of Learning and Development**. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Kolb, D. A., & Kolb, A. Y. (2005). "The Kolb Learning Style Inventory
- Kolb, D. A. (2015). "Experiential Learning: A Sourcebook for Theory and Practice." In *The Handbook of Experiential Learning* (pp. 1-20). New York: Routledge.
- Lee, J. X., Ong, S. I., Lee, V. Y., & Rahman, F. N. A. (2017). Parenting stress among Malaysian parents of children with Autism Spectrum Disorder (ASD). *Medicine & Health*, 12(1), 42-55.
- Matin, H., Yoosefi, N., Solgi, M., & Hayati, M. (2022). Effectiveness of conscious parenting training based on imago therapy approach on the interaction of mother-child mothers of children with learning disabilities. *Journal of Learning Disabilities*, 10(2), 254-267. <https://doi.org/10.32598/jld.10.2.5>
- Mona, H. M. (2019). Stress and coping strategies among parents of children with autism spectrum disorder. *PEOPLE: International Journal of Social Sciences*, 5(1), 17-29. <https://doi.org/10.20319/pijss.2019.51.1729>
- Moon, J. A. (2004). *A Handbook of Reflective and Experiential Learning: Theory and Practice**. New York: RoutledgeFalmer.
- Muddle, S., McElwee, J., Vincent, R., Birdsey, N., & Best, L. (2021). Talking with parents of children with learning disabilities: parents' ideas about the circle of security parenting programme. *British Journal of Learning Disabilities*, 50(1), 19-28. <https://doi.org/10.1111/bld.12371>
- Olabisi, A., Ahmad, S., Mansor, M., & Daud, M. (2022). Parental stress and parents' profiles among parents of children with learning disabilities in abuja, nigeria. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(10). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i10/15196>
- Sitim, S. A., Fikry, A., Ismail, Z., & Hussein, N. (2017). Work-family conflict among working parents of children with autism in Malaysia. *Procedia Computer Science*, 105, 345-352. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2017.01.232>

- Thompson-Janes, E., Brice, S., Abbott, J., & Ball, J. (2014). Learning from the experts: a thematic analysis of parent's experiences of attending a therapeutic group for parents of children with learning disabilities and challenging behaviour. *British Journal of Learning Disabilities*, 44(2), 95-102. <https://doi.org/10.1111/bld.12115>
- Ubeh, C., Bahari, F., & Voo, P. S. K. (2017). Kesejahteraan Subjektif Ibu Bapa Kanak-Kanak Kurang Upaya Pembelajaran: Pengaruh Komitmen Keagamaan, Harapan Terhadap Anak, Dan Sokongan Sosial (Subjective Well-Being Among Parents Of Children With Learning Disability: The Effect Of Religious Commitment, Parents Hope For Child, And Social Support). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(2).
- Yaacob, W. N. W., Yaacob, L. H., Zulkifli, M. M., & Muhamad, R. (2022). A journey towards resilience: coping strategies adopted by parents with children having autism spectrum disorder in northeast malaysia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(4), 2458. <https://doi.org/10.3390/ijerph19042458>
- Yang, C. Y., Xie, D., & Wong, J. W. C. (2021). Challenges and benefits of experiential learning: the case of overseas exchange programs. *Advanced Education*, 8(19), 79-88. <https://doi.org/10.20535/2410-8286.239232>
- Ying, L. P. Y. and Mohamed, S. (2023). Perancangan masa depan kanak-kanak dengan kecelaruan spektrum autisme (ASD): Perspektif ibu bapa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002116. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2116>

